



04 JUN, 2026

## TNB komited pacu agenda peralihan tenaga negara

Utusan Malaysia, Malaysia



# TNB komited pacu agenda peralihan tenaga negara

Oleh ZAKKINA WATI  
AHMAD TARMIZI

zakkina.tarmizi@mediamula.com.my

**KUALA LUMPUR:** Tenaga Nasional Bhd (TNB) komited untuk terus memainkan peranan utama dalam memacu agenda peralihan tenaga negara serta mengakui keperluan segera menangani cabaran perubahan iklim.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ir Shamsul Ahmad berkata, TNB turut diamanahkan untuk memastikan bekalan elektrik kekal stabil, mudah diakses dan terjamin bagi jutaan isi rumah, perniagaan serta industri di seluruh negara.

“Dalam melaksanakan tanggungjawab itu, TNB terus berpandukan prinsip trilema tenaga, iaitu mengimbangi keterjaminan bekalan tenaga, kemampuan kos dan kemampuan dalam mengharungi peralihan ke arah masa depan yang lebih mampan.

“Kami giat melabur dalam penjana tenaga yang lebih bersih, memperluas portfolio tenaga boleh baharu serta mengurangkan intensiti karbon operasi kami. Pada masa sama, kami memperkukuh dan memodenkan grid elektrik bagi menyokong integrasi tenaga boleh baharu yang lebih meluas, di samping meningkatkan fleksibiliti dan daya tahan sistem,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada hari pertama



**FADILLAH Yusof (empat dari kiri) bersama Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid (tiga dari kanan) serta Shamsul Ahmad (dua dari kanan) di Persidangan Peralihan Tenaga TNB 2026 (ETCon26) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) semalam. - UTUSAN/ ISKANDAR ISHAK**

Persidangan Peralihan Tenaga TNB 2026 (ETCon26) di sini, semalam.

Persidangan itu menghimpunkan lebih 4,000 peserta tempatan dan antarabangsa.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Dalam pada itu, Shamsul berkata, komitmen TNB dalam menyediakan masa depan tenaga yang mampan dan boleh dipercayai dicerminkan menerusi pencapaian syarikat utiliti nasional itu yang merekodkan kadar gangguan bekalan elektrik System Minutes hanya 0.15

minit pada 2025, jauh lebih baik berbanding penanda aras global di bawah 1.5 minit.

Selain itu, beliau berkata, penarafan MSCI ESG TNB turut dinaik taraf kepada AA pada 2026 daripada A pada 2025 sebagai pengiktirafan terhadap usaha kemampanan dan standard tadbir urus syarikat utiliti nasional itu.

“Kami terus bekerjasama dengan pemain industri dan peneraju teknologi antarabangsa selain melabur dalam peluang infrastruktur serta peralihan tenaga di luar negara kerana kami percaya industri ini tidak bergerak secara bersendirian, sebaliknya berkembang melalui

kerjasama dan pertukaran kepakaran,” katanya.

Mengenai ETCon26, beliau berkata, persidangan itu memainkan peranan penting dalam menghimpunkan aspek dasar, industri, pelaburan dan inovasi di bawah satu platform.

Shamsul berkata, TNB mengiktiraf bahawa kemajuan dalam sektor ini bergantung kepada kerjasama menyeluruh, dengan dasar menentukan hala tuju, industri memacu pelaksanaan, pelabur menyediakan sokongan modal, manakala inovasi membuka peluang baharu dan kesemua elemen itu tidak boleh bergerak secara berasingan.